# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

10 SEPT 2016
SABTU

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| KOSMO | 49 RUMAH ROSAK DILANDA RIBUT | 2 |
| HARIAN METRO | 76 RUMAH ROSAK DILANDA RIBUT | 3 |
| HARIAN METRO | KEKANG PENULARAN VIRUS ZIKA | 4 |
| NEW STRAITS TIMES | AWER: HIGH EXPECTATIONS FOR JOHOR WATER PLAN | 5 |



# KOSMO

Kosmo 10/9/16

## Angin kencang terbangkan bumbung, dinding kediaman penduduk

# 49 rumah rosak dilanda ribut

PASIR GUDANG – Lebih 49 buah rumah rosak teruk akibat dilanda ribut di Kampung Pasir Putih di sini petang semalam.

Kejadian dipercayai berlaku selepas solat Jumaat kira-kira pukul 2.15 petang itu telah menyebabkan sebahagian bumbung dan dinding rumah penduduk di kawasan itu diterbangkan angin kencang.

Seorang penduduk, Muhamad Azwan Mohd. Arsad, 23, menceritakan, ketika kejadian, dia bersama saudara-mara mertuanya sedang melakukan persiapan majlis perkahwinannya yang dijadual berlangsung hari ini.

"Sebelum ribut, saudara-mara saya sedang sibuk membuat persiapan untuk majlis kahwin saya esok (hari ini). Ketika itu, kami turut mengadakan majlis tahlil buat arwah bapa mertua saya.

"Bagaimanapun, secara tiba-tiba, datang angin kencang hingga akibatkan bumbung dan khemah di luar rumah berterbangan.



SEBUAH rumah penduduk mengalami kerosakan pada bumbung dalam kejadian ribut di Kampung Pasir Putih, Pasir Gudang semalam.

"Ribut itu berlaku kira-kira tujuh minit. Selepas salah seorang daripada ahli keluarga melaungkan azan, angin kencang tersebut terus reda," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Muhamad Azwan berkata, mereka bernasib baik kerana kejadian itu tidak mengakibatkan sebarang kecederaan namun persiapan untuk majlis perkahwinannya itu sedikit terbantut.

Dalam pada itu, Ketua Kampung Pasir Putih, Bachok Nohang berkata, setakat pukul 6 petang semalam, seramai 49 buah keluarga telah melaporkan kerosakan rumah mereka melalui kaunter Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK).



# HARIAN METRO

HM 10/9/16

## 76 rumah rosak dilanda ribut



ANTARA rumah yang rosak dilanda ribut.

**Pasir Gudang:** Sebanyak 76 rumah membabitkan 395 penduduk di Kampung Pasir Putih di sini, terjejas dilanda ribut, petang semalam.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Daerah Johor Bahru , Leftenan (PA) Mohd Aziz Jupri berkata, penduduk terjejas didaftarkan di pusat pemindahan sementara di Dewan Kampung Pasir Putih di sini, namun tiada yang dipindahkan.

"Hujan lebat dan angin kencang berlaku jam 3 petang mengakibatkan beberapa bumbung rumah penduduk diterbangkan angin.

"Proses pendaftaran penduduk masih dilakukan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya.

Penduduk, Muhamad Azwan Mohd Arsad, 23, berkata, ribut yang diikuti puting beliung berlaku selepas solat Jumaat jam 2.15 petang menyebabkan ada bumbung dan dinding rumah penduduk diterbangkan angin kuat.

"Sebelum ribut, saudara-mara sibuk membuat persiapan majlis kahwin saya esok (hari ini). Ketika itu, diadakan majlis tahlil buat arwah bapa mentua.

"Tiba-tiba, angin bertiup kuat menyebabkan bumbung dan khemah di luar rumah berterbangan. Saya lega semua ahli keluarga sempat masuk ke dalam rumah.

"Ribut berlaku tujuh minit sahaja, selepas seorang daripada ahli keluarga melaungkan azan, keadaan kembali reda," katanya.

Muhamad Azwan berkata, tiada sebarang kemalangan membabitkan nyawa ahli keluarga biarpun persiapan majlis perkahwinannya terjejas.

Sementara itu, Ketua Kampung Pasir Putih, Bachok Nohang berkata, sehingga jam 6 petang semalam, 49 keluarga melaporkan kerosakan rumah mereka melalui kaunter Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK).

"Kami melalui JKKK melaporkan kepada JKM untuk tindakan seterusnya termasuk menyalurkan bantuan.

"Kami menyeru orang ramai tampil membuat laporan polis secepat mungkin mengenai kerosakan rumah," katanya.



# HARIAN METRO

HM 10/9/16

Johor Bahru

## Kekang penularan virus Zika

Semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini akan mengambil tindakan agresif terutamanya di kawasan pembiakan nyamuk aedes bagi mengekang penularan virus zika.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Abd Latif Bandi berkata, antara tindakan dilakukan PBT dengan kerjasama Kementerian Kesihatan itu termasuk semburan kabut.

Beliau berkata, selain kekerapan semburan kabut di lokasi yang dikenal pasti, bagi mengelak pembiakan aedes, pihaknya juga akan melakukan pemasangan perangkap nyamuk terutamanya ketika hujan dan panas berterusan.

"Kawasan rumah kosong atau terbiar juga tidak terkecuali dan pihak PBT di kawasan masing-masing boleh bertindak mengikut peraturan dan notis yang ditetapkan di bawah Pejabat Tanah dan Galian (PTG).

"Kerajaan negeri turut berharap supaya kita mendapat kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) untuk bersama-sama mengesan tapak binaan yang mempunyai potensi pembiakan nyamuk," katanya.



# NEW STRAITS TIMES

NST 10/9/16

## Awer: High expectations for Johor water plan

**JOHOR BARU:** There are high expectations for the plans outlined in the Johor Water Resources Study Plan 2010-2060.

The plans will be carried out next year with allocations in the state budget to solve the water supply woes in Mersing, Kota Tinggi, Pasir Gudang, Kluang and parts of Johor Baru.

Menteri Besar Datuk Mohamed Khaled Nordin, who briefed the state assembly on the implementation of the plan on Thursday, said the state government had put in measures to boost the state's water resources.

"The Johor Water Resources Study Plan 2010-2060 is a long-term initiative spanning a 50-year period to meet water supply demand in the state. The study has been completed and strengthened. In next year's state budget, we will start (implementing) the results of this study."

About 40,000 people in Mersing endured five months of rationing because of critically low water levels at the Congok dam.

The situation in Mersing followed a four-month water-rationing exercise that affected 600,000 people in Pasir Gudang, Masai and parts of Johor Baru that ended in December.

Association of Water and Energy Research (Awer) Malaysia president S. Piarapakaran said Johor's water woes remained a serious concern.

The situation in Mersing followed a four-month water-rationing exercise that affected 600,000 people in Pasir Gudang, Masai and parts of Johor Baru that ended in December.

Association of Water and Energy Research (Awer) Malaysia president S. Piarapakaran said Johor's water woes remained a serious concern.

"Everyone has high expectations for the Johor government's plan to solve the water supply woes. Those who experienced the water crisis will want to know how the plan will be executed.

"If you ask Johoreans who experienced the water rationing or people in Selangor who endured similar hardship in 2014, they will get panicky because they know how difficult it was."

He said it made sense for Johor to have its own water resources plan because the geology of the state differed from the rest of the country.

"Johor is located at the foot of the Titiwangsa range, and its weather pattern is different. The lack of a large mountainous areas means authorities are unable to tap raw water from upstream water catchment areas, unlike in Pahang, Perak or Selangor."

Piarapakaran urged the state government to work closely with experts, consultants and organisations from the water sector in implementing the plan for new water resources.

"The Johor authorities should consider building retention ponds to collect water during rainy seasons. These ponds could become recreational parks, but with a capacity to become a back-up source of water."

He said there was a need to improve the waste water discharge standards to clean up the rivers, which remain a major source of raw water.

